

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN WONG HON WAI  
[BUKIT BENDERA]**

**TARIKH** : **4 OKTOBER 2021 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentang di Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, senarai Rang Undang-Undang di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang akan dibentangkan di Parlimen berikutan pindaan dan penambahbaikan adalah seperti berikut:

(a) **Rang Undang-Undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan 2021) [Akta 133]**

Pindaan yang akan dibuat adalah berhubung kedudukan Menteri Wilayah Persekutuan sebagai Pihak Berkuasa Negeri di Wilayah Persekutuan. Cadangan pindaan telah mendapat kelulusan dasar Jemaah Menteri pada 23 September 2020. Draf RUU kini dalam tindakan KPKT dan Jabatan Peguam Negara (AGC). RUU ini dijangka dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Ke-14 Tahun 2021;

(b) **Rang Undang-Undang Kerajaan Tempatan (Pindaan 2021) [Akta 171]**

Pindaan ini melibatkan penambahbaikan penguatkuasaan di peringkat pihak berkuasa tempatan dan penambahbaikan berhubung kedudukan Menteri Wilayah Persekutuan sebagai Pihak Berkuasa Negeri Wilayah Persekutuan. Kelulusan dasar Jemaah Menteri telah diperolehi pada 23 September 2020 bagi perkara berhubung kedudukan Menteri Wilayah Persekutuan. Bagi penambahbaikan penguatkuasaan pula, cadangan pindaan telah mendapat kelulusan dasar Jemaah Menteri pada 24 Mac 2021. Draf RUU cadangan ini juga kini dalam tindakan KPKT dan AGC. RUU ini dijangka dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Ke-14 Tahun 2021;

- (c) **Cadangan Pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan peraturan-peraturan yang berkaitan.** Pindaan yang dicadangkan adalah untuk menambah baik peruntukan sedia ada yang antara lainnya berhubung kuasa Pegawai Pengawal di samping memasukkan peruntukan berhubung projek perumahan yang terbengkalai. Jemaah Menteri telah memberi kelulusan dasar bagi pindaan ini pada 30 Julai 2021. RUU ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2022;
- (d) **Penggubalan Rang Undang-Undang Sewaan Kediaman/*Residential Tenancy Act (RTA)*** telah bermula pada Jun 2019 selepas diluluskan menerusi Bajet 2019. RUU ini antara lain bertujuan untuk melindungi hak penyewa dan pemilik kediaman. Pindaan akta ini telah mendapat kelulusan dasar Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021 dan KPKT kini sedang menyemak draf awal RUU RTA sebelum dihantar kepada AGC untuk kelulusan. RUU ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2022; dan
- (e) **Cadangan Pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341]**  
Terdapat dua penambahbaikan yang dicadangkan untuk dibuat kepada Akta ini iaitu melibatkan Kawal Selia Kontraktor Keselamatan Kebakaran dan Perakuan Sistem dan Komponen Pemasangan Keselamatan Kebakaran. Kelulusan dasar untuk kedua-dua cadangan pindaan telah diperolehi pada 8 April 2020 dan 21 Ogos 2020 masing-masing. Draf RUU cadangan ini masih dalam tindakan KPKT. RUU ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.